

## LELAKI LEMBUT: FAKTOR DAN KESANNYA KEPADA PEMBENTUKAN SAHSIAH MAHASISWA

FARAHWAHIDA MOHD YUSOF<sup>1\*</sup> & SHARIFAH MUNIRAH TIMMIATI<sup>2</sup>

**Abstrak.** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi lelaki lembut di Universiti Teknologi Malaysia. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan pembentukan sahsiah lelaki lembut serta menghuraikan kedudukan lelaki lembut dari perspektif Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor rakan sangat mempengaruhi lelaki lembut selain faktor keluarga dan media bahkan ia memberi kesan ke atas pembentukan sahsiah lelaki lembut. Dalam konteks Islam pula, tiada istilah lelaki lembut. Golongan ini dikategorikan sebagai *transvestite* dan Islam melarang lelaki bertingkah laku seperti perempuan serta menukar jantina. Di akhir kajian, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk mengatasi golongan lelaki lembut

*Kata kunci:* lelaki lembut; pembentukan sahsiah

**Abstract.** This survey is conducted in order to know the factors that influence the Metro man at UTM. Besides, this research aims to know the formation of this Metro man and to explain the position of this Metro man in the perspective of Islam. The result shows that friends seems to be the main factor that influence this Metro man besides family and media factor that can also influence them. In the Islamic context, there is no such term for Metro man. This group is categorized as transvestite and it is forbidden in Islam trying to act as a woman and undergo gender changing. At the end of the study, some ideas are proposed to certain parties in order to overcome this Metro man group.

*Keywords:* Metro man; character formation

### 1.0 PENGENALAN

Manusia merupakan ciptaan Allah S.W.T. yang sempurna baik dari segi fizikal dan rohaninya. Manusia diciptakan berpasangan lelaki dan perempuan. Manusia yang pertama diciptakan Allah S.W.T. adalah Nabi

<sup>1,2</sup> Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor

Corresponding author: [farahwamy@utm.my](mailto:farahwamy@utm.my)

Adam a.s. iaitu seorang lelaki. Kemudian diciptakan Hawa iaitu seorang wanita pelengkap kepada penciptaan-Nya. Kedua-duanya diciptakan dengan sempurna dan mempunyai perbezaan zahir dan batin. Dari segi perwatakan, Allah S.W.T. menjadikan watak seorang lelaki dengan mempunyai tingkah laku yang keras manakala perempuan pula mempunyai sifat lemah lembut. Lelaki dan perempuan mempunyai tanggungjawab dan peranan tertentu. Secara umumnya, mereka diciptakan sebagai khalifah di muka bumi untuk mentadbir alam ini dengan sebaik-baiknya. Lelaki diciptakan sebagai pemimpin bagi wanita dan wanita sebagai tulang belakang dan pembantu kepada kaum lelaki. Ia dinyatakan dalam firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisa': 34.

*Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. dan perempuan perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”*

Berdasarkan ayat di atas, Allah S.W.T. menjelaskan bahawa lelaki diberikan beberapa kelebihan, keistimewaan dan berperanan sebagai ketua keluarga serta diberikan hak untuk melafazkan cerai kepada isteri dan bertanggungjawab memberi nafkah kepada isteri juga menyara ahli keluarga. Begitu besar bebanan lelaki dan memang tidak dinafikan lelaki ini mempunyai jiwa yang kental lagi kuat berbanding kaum perempuan yang lembut dan banyak bergantung kepada kaum lelaki (Maesarah Ab. Rahim, 2004). Walau bagaimanapun, di era globalisasi dan pembangunan ke arah Malaysia maju telah wujud satu fenomena tentang individu yang terkeliru mengenai identiti mereka. Mereka ini adalah lelaki lembut yang

lebih dikenali dalam kalangan masyarakat umum dengan istilah ‘mak nyah’, ‘pondan’, ‘bapok’ dan ‘adik’. Mereka dilahirkan sebagai lelaki tetapi mempunyai kelakuan, perasaan dan naluri sebagai wanita (Wan Halim Othman, 1987).

Kewujudan pelbagai istilah kerana kepelbagaian persepsi yang negatif yang diberikan oleh masyarakat khususnya dalam membuat penilaian kepada golongan lelaki lembut ini. Sebahagian masyarakat melihat golongan lelaki lembut lazimnya terjebak dalam gejala negatif seperti homoseksual. Fenomena ini dapat diimbaskan semula dalam sejarah kenabian, khususnya di dalam al-Quran yang menunjukkan masalah dan keadaan ini telah berlaku sejak zaman Nabi Lut a.s. ketika masyarakatnya menjalani kehidupan yang menyimpang dan melanggar batasan-batasan fitrah kehidupan yang sebenar. Mereka melakukan hubungan sejenis dan akhirnya mereka dimurkai oleh Allah S.W.T. dengan azab yang dahsyat. Keadaan ini dinukilkkan dalam firman Allah S.W.T. dalam surah al-A’raf: 81.

*Maksudnya: "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas."*

Fenomena lelaki lembut ini sudah lama berlaku khususnya di negara Barat dan mereka bebas untuk menjalankan kegiatan tidak bermoral. Sekiranya kegiatan mereka seperti hubungan sejenis dihalang dan disekat, golongan ini akan menentang kononnya ini adalah hak asasi mereka yang tidak boleh dicabuli. Keadaan yang sama berlaku di Malaysia tanpa dapat disekat proses perkembangannya. Sungguhpun demikian, tidak semua golongan lelaki lembut melakukan seks diluar tabii dan melakukan gejala sosial yang lain (Maesarah Ab. Rahim, 2004).

## 2.0 LATAR BELAKANG

Peningkatan masalah sosial dalam masyarakat yang membabitkan golongan remaja kini semakin kompleks dengan adanya pengaruh luar yang berunsur negatif. Pengaruh luar sering dikaitkan dengan tingkah laku yang negatif, yang bertentangan dengan undang-undang atau terkeluar daripada batas susila masyarakat. Contohnya menagih dadah, seks bebas, *black metal*, hamil luar nikah, buang bayi dan lain-lain. Selain daripada gejala-gejala sosial ini, masalah sosial

lelaki lembut juga turut melahirkan ciri-ciri dan masalah dekadensi moral. Masalah berkenaan bukanlah suatu isu yang baru tetapi sejak kebelakangan ini ia jelas ketara melibatkan golongan lembut dan perlu dirawat segera sebelum menjadi parah (Ismail Mustari, 2007).

Allah S.W.T. menciptakan sesuatu itu dengan cukup sempurna dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Allah S.W.T. menjadikan manusia berpasangan lelaki dan perempuan di muka bumi. Namun, ada manusia dilahirkan selain lelaki dan perempuan iaitu dikenali sebagai *khunsa*. *Khunsa* bermaksud seseorang yang dilahirkan dengan mempunyai dua alat kelamin iaitu alat kelamin lelaki dan alat kelamin perempuan ataupun seseorang yang dilahirkan tanpa alat sulit/kelamin (Asmungi M. Sidek, 2001). Dalam situasi ini, Islam membenarkan individu yang mempunyai dua alat kelamin melakukan pembedahan dengan memilih satu daripadanya mengikut kecenderungan naluri masing-masing.

Berbeza dengan *khunsa*, terdapat lelaki normal yang berperwatakan dan cenderung untuk menjadi seperti wanita (dalam erti lain lelaki lembut) serta wanita yang ingin menjadi seperti lelaki. Kewujudan golongan lelaki lembut bukan lagi perkara menghairankan dalam masyarakat. Malah dalam sesetengah bidang ia menjadi satu budaya atau ikutan yang diterima. Kebanyakan mereka memiliki naluri kewanitaan yang mendorong mereka menggayakan pakaian dan bersolek seperti perempuan. Apa yang lebih mendukacitakan, golongan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga ramai yang terpengaruh dan mengamalkan budaya ini dalam kehidupan seharian sama ada di kampus atau di luar kampus.

Pada tahun 2003 (Hairulazim Mahmud, Utusan Malaysia: 9 Julai 2003), isu berkaitan golongan lelaki lembut ini telah dibangkitkan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman. Beliau menyatakan kebimbangannya mengenai gejala lelaki lembut yang semakin meningkat khususnya dalam kalangan pelajar universiti sehingga isu ini mendapat liputan yang luas daripada media massa tetapi kupasan yang mendalam mengenai golongan lelaki lembut masih terlalu sedikit (Mohd Yusman Awang *et.al.*, 2004). Isu lelaki lembut di IPT yang dicetuskan oleh Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman ini juga mendapat reaksi pro dan kontra pelbagai pihak untuk menilai kembali fenomena ini. Bagi yang menyokong mendakwa bahawa kategori lembut hanya terhad kepada pertuturan dan tingkah laku sahaja, bahkan golongan lembut ini turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bagi yang menentang golongan lelaki lembut ini pula khuatir jika pergaulan sesama mereka tidak diawasi, ia mungkin boleh mengundang gejala tidak sihat terutamanya

menjurus kepada kegiatan seks sesama jenis (Najibah Hassan, Utusan Malaysia: 20 Julai 2003).

Tan Sri Prof. Dr. Mohd Zulkifli bin Mohd Ghazali, mantan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sempena Amanat Tahun baru pada 5 Januari 2007 yang bertempat di Dewan Sultan Iskandar turut menyentuh tentang isu lelaki lembut ini. Beliau menegaskan bahawa hasrat universiti adalah untuk melahirkan graduan yang mempunyai modal insan negara. Sekiranya fenomena lelaki lembut ini tidak dibendung di UTM, maka nama UTM akan tercemar. Dalam memperkatakan fenomena lelaki lembut, Ketua Jabatan Kaunseling Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Noraini Ahmad pula meminta masyarakat membezakan antara lelaki yang dilahirkan lemah lembut dan mengekalkan gaya hidup seorang lelaki sejati dengan golongan lelaki lembut yang melanggar norma-norma masyarakat atau perlakuan mereka yang menyinggung masyarakat. Isu lelaki lembut ini sesuatu yang sensitif dan memerlukan kefahaman masyarakat. Beliau menegaskan:

*“Jangan kita menyinggung perasaan lelaki yang lemah lembut tutur kata ini tetapi tetap menjalani kehidupan normal sebagai seorang lelaki termasuk berumah tangga dan beranak pinak. Golongan ini tidak menimbulkan masalah kepada ummah iaitu tidak menimbulkan gangguan atau ketidakselesaan masyarakat.”*

*“Yang menjadi isu sekarang ini adalah lelaki lembut yang menyerupai perempuan dan ketara tidak macho. Mereka mula mempamerkan penampilan yang lari daripada norma seorang lelaki dengan mengukuhkan kelembutannya dengan memakai pakaian menyerupai perempuan, memakai gincu dan mencabut bulu kening serta dikuatkan lagi dengan lenggang lenggoknya yang lemah gemalai dan bersuara seperti seorang perempuan.”*

(Najibah Hassan, Utusan Malaysia: 20 Julai 2003)

Sehubungan dengan itu, fenomena ini memerlukan penelitian yang mendalam untuk mengenal pasti etiologi kecelaruan jantina ini, adakah lelaki lembut merupakan satu gejala yang tidak sihat atau golongan ini memang berperwatakan lembut yang tidak mengganggu masyarakat.

### **3.0 PROSEDUR KAJIAN**

Oleh kerana kajian ini merupakan satu kajian lapangan maka kajian yang dilakukan adalah terhad kepada sebuah universiti awam sahaja iaitu UTM. Kajian ini bagi menjawab tiga objektif kajian iaitu pertama; untuk mengetahui faktor yang mendorong seseorang lelaki itu berperwatakan lembut. Kedua; mengetahui kesannya terhadap pembentukan sahsiah diri dalam kalangan lelaki lembut dan ketiga; mengetahui kedudukan lelaki lembut dari perspektif Islam.

Penyelidik telah menggunakan kaedah analisis dokumen serta temu bual berfokus untuk mendapatkan data. Temu bual diadakan di tempat yang ditentukan oleh responden sendiri di kawasan sekitar kampus. Seramai sepuluh responden telah dipilih untuk kajian ini. Mereka terdiri daripada mahasiswa UTM daripada pelbagai fakulti. Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan pandangan responden berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi mereka serta kesan yang dihadapi oleh mereka.

### **4.0 LELAKI LEMBUT**

Sehingga ke hari ini, fenomena lelaki lembut masih lagi menular dengan bebas tanpa sekatan yang tegas daripada semua pihak. Lorong Haji Taib sesungguhnya amat terkenal dengan kegiatan penyimpangan seks yang diamalkan oleh golongan ini. Akan tetapi, harus diketahui golongan lembut tidak semuanya melakukan perbuatan terkutuk ini. Bagi mengenali golongan lelaki lembut, banyak penulisan dan artikel yang dikeluarkan dan diterbitkan di majalah dan akhbar serta kertas kerja persidangan yang menulis mengenai golongan ini. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi pengetahuan dan sedikit gambaran kepada masyarakat umum mengenai kewujudan golongan lelaki lembut ini. Justeru, dengan sedikit pengetahuan dan gambaran tersebut pelbagai takrifan diberikan kepada golongan lelaki lembut.

Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar, iaitu Prof. Madya Dr. Haji Wan Halim Othman (1987) dalam kajianya yang bertajuk “*Dilema Mak Nyah di dalam Masyarakat Malaysia*” di Universiti Sains Malaysia (USM), menjelaskan bahawa lelaki lembut ialah seorang lelaki yang bergerak geri seperti perempuan, memakai pakaian perempuan, suka melakukan sesuatu yang biasanya dilakukan oleh seorang perempuan, menunjukkan minat seks terhadap kaum

sejenisnya dan tiada nafsu terhadap kaum perempuan, mempunyai alat jantina lelaki dan perempuan ataupun berjiwa perempuan. Walau bagaimanapun, menurut beliau lagi tidak ramai golongan lelaki lembut yang mempunyai semua ciri tersebut tetapi terdapat ramai golongan lelaki lembut yang mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada ciri-ciri tersebut. Istilah mak nyah, pondan, bapok, adik dan sebagainya merupakan gelaran yang diberikan kepada golongan lelaki lembut. Kebanyakan istilah ini telah memberi gambaran yang negatif terutamanya masyarakat sekeliling.

Menurut Bootzin dalam kajian Norulhuda (2001) yang bertajuk “*Tinjauan Faktor Pengaruh Keluarga, Teman teman dan Persekutaran Perkembangan Budaya Golongan Lembut di UTM, Skudai*” menjelaskan bahawa lelaki lembut dalam golongan *transvestic* adalah individu yang mendapat kepuasan seksual melalui tingkah laku memakai pakaian yang berlawanan jantina dengan mereka. Golongan ini gembira dengan penampilan mereka berpakaian wanita di khalayak ramai dan mampu mendapat perhatian daripada orang-orang di persekitaran mereka terutamanya kaum lelaki.

Lelaki lembut yang dimaksudkan dalam penulisan ini adalah kaum lelaki yang mempunyai perwatakan atau ciri-ciri seperti seorang wanita tidak kira sama ada perwatakan lembut itu adalah suatu yang semulajadi bagi mereka atau sesuatu keadaan yang sengaja dibuat-buat untuk kelihatan cantik dan menawan seperti seorang wanita. Namun, masyarakat mungkin ingin mengkategorikan keadaan lelaki lembut dalam pelbagai konsep seperti transeksual, tranvestisme, homoseksual dan hermafroditisme sebagai penyimpangan seks. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan tingkah laku dan sikap yang nyata antara pelbagai kumpulan ini antaranya:

- (i) Transeksual - Dari segi klinikal, transeksual diistilahkan sebagai sindrom yang tidak memuaskan atau lebih dikenali sebagai gangguan psikologi identiti seseorang dalam bentuk gangguan identiti jantina. Transeksual gagal mengenali dirinya sama ada lelaki atau perempuan dan keadaan ini mempengaruhi tindakan mereka untuk mencari identiti jantina dalam kehidupan. Golongan ini seperti berada dalam kehidupan kedua-kedua jantina (Nazri, 1992). Mereka merasakan bahawa mereka mempunyai sifat yang berlawanan jantina walaupun mereka tidak gemar untuk memiliki sifat-sifat berlawanan jantina. Golongan ini juga tidak semestinya *tranvestisme* iaitu tidak semuanya akan memakai pakaian jantina

sebaliknya untuk menunjukkan dirinya adalah transeksual. Satu ungkapan yang selalu digunakan oleh transeksual lelaki ialah saya adalah seorang perempuan yang terperangkap di dalam tubuh lelaki atau “*trapped inside the body of the opposite sex*” (M. Michele Burnette, 2006).

Transeksual berkeinginan untuk merubah anatomi seks dan sekiranya keinginan tersebut tidak tercapai ia boleh mendatangkan kesan psikologi yang teruk. Transeksualisme ialah disforia gender yang paling ketara kecelaruan gender. Ia adalah suatu keadaan yang mana individu yang mempunyai anggota kelamin yang tertentu tetapi begitu yakin yang dia adalah dari golongan jantina yang sebaliknya. Akibatnya, lahirlah fenomena “lelaki lembut dan perempuan keras” (Najibah Hassan, Utusan Malaysia: 20 Julai 2003).

Transeksual juga dikenali sebagai mak nyah. Mak nyah adalah lelaki yang benar-benar ingin menjadi seperti seorang perempuan. Banyak aspek dalam kehidupan mereka menyamai kehidupan seorang perempuan. Sehingga terdapat lelaki mak nyah yang bekerja sebagai mak andam dan jurusolek juga pereka fesyen. Golongan ini sudah kelihatan seperti perempuan kerana memakai alat solek pada wajah, memakai perhiasan perempuan, memakai pakaian perempuan, kasut perempuan dan mempunyai nama seperti perempuan. Terdapat juga lelaki mak nyah yang sanggup menukar fizikal mereka kepada fizikal seorang perempuan dengan melakukan pembedahan untuk menukar organ-organ tertentu. Golongan ini bersifat lemah lembut seperti perempuan dan lazimnya mereka ini disenangi oleh kaum lelaki mahupun perempuan (Norazlinda Hafiza, 2003).

- (ii) Transvestite - Istilah ini membawa maksud orang-orang yang memiliki sifat-sifat jantina yang sebaliknya. Istilah ini boleh dirujuk kepada lelaki mahupun perempuan. Ini bermaksud seseorang lelaki itu boleh dikatakan *transvestite* apabila dia menunjukkan tingkah laku seperti perempuan sama ada dari segi pakaian atau percakapan. Dari segi pemakaian ini juga dikenali sebagai pemakaian silang atau *cross dress* (Azizi Yahaya *et al.*, 2006). *Tranvestite* ini secara lazimnya mengalami beberapa faktor yang

menyebabkan mereka memiliki sifat berlawanan jantina. *Tranvestite* tidak semestinya seorang homoseksual. Ia bermakna seseorang lelaki itu memakai pakaian seperti perempuan. *Tranvestisme* tidak mempunyai keinginan untuk menjadi perempuan tetapi mereka hanya berkeinginan dan kelihatan seperti perempuan walaupun hanya sekali. Organ seksnya adalah sumber kepuasan dan dengan yang demikian ia tidak berhasrat untuk menghapuskannya ataupun menukar jantinanya (Norazlinda Hafiza, 2003).

Bahasa pasar yang sering digunakan dalam percakapan harian masyarakat bagi kelompok lelaki lembut dalam kategori ini adalah pondan. Pondan mempunyai tingkah laku seperti perempuan dengan menggambarkan keadaan mereka seperti berjalan dengan gaya lemah lembut dan mereka gemar memakai perhiasan-perhiasan perempuan. Mereka sering menjadi bahan usikan dan ejekan terutama oleh lelaki normal. Golongan ini secara fizikalnya adalah lelaki, cuma mempunyai naluri perasaan seperti perempuan.

- (iii) Homoseksual - Homoseksual ditakrifkan sebagai tarikan seks terhadap mereka yang sama jantina ataupun dengan istilah yang jelas mempunyai nafsu berahi terhadap kaum sejenis. Selain itu juga, seseorang yang terdetik dan mempunyai perasaan kagum, tertarik dan teransang terhadap seseorang sesama jenis, ia juga sudah disebut sebagai homoseksual. Homoseksual semakin hari semakin banyak berlaku di Malaysia. Kesan daripada merebaknya kegiatan homoseksual di Malaysia telah menyebabkan wujudnya kelab-kelab *gay* di sekitar ibu kota terutamanya di Kuala Lumpur. Mereka ini akan berkumpul di kelab-kelab malam yang menyediakan kemudahan ini pada malam-malam tertentu (Mohd Syukri Khamis, 2001). Keadaan ini dikuatkan lagi melalui akhbar iaitu:

*“Polis telah mengenal pasti beberapa orang lelaki yang ditahan dalam satu serbuan di sebuah kelab gay di Bukit Bintang di sini pada 4 Oktober 1993”*

(Utusan Malaysia: 5 Oktober 1993)

Keadaan ini memberi ruang yang luas untuk golongan lelaki lembut memuaskan nafsu berahi mereka sesama jantina. Namun perlu diingatkan bahawa tidak semua lelaki lembut melakukan penyimpangan seks ini.

- (iv) Hermafroditisme - Hermafroditisme adalah orang yang dilahirkan dengan seks yang meragukan. Secara anatominya, mereka adalah orang yang tidak sepenuhnya lelaki dan tidak sepenuhnya perempuan. Mereka mempunyai testis dan tisu ovari yang berfungsi. Menurut Nazri Hamid (1992), kelompok ini mungkin mempunyai sama ada satu atau dua gonad dengan testis yang berfungsi dan tisu ovari, satu orotesis di sebelah dan satu ovari atau testis di sebelah satu lagi ataupun satu testis di sebelah dan satu ovari di sebelah yang lain. Dalam makna lain, *hermafroditisme* ini dikenali sebagai *khunsa*. Dalam perspektif Islam, *khunsa* ialah manusia yang mempunyai dua alat sulit lelaki dan perempuan pada seseorang atau yang langsung tidak didapati kedua-duanya.
- (v) Bapok - Istilah ini juga adalah istilah dalam percakapan harian untuk menggelarkan mereka lelaki lembut. Bapok tidak jauh bezanya dengan lelaki pondan. Cuma bezanya ialah seseorang lelaki bapok dikatakan "lembut dalam kasar." Hal ini kerana bapok biasanya memiliki susuk tubuh yang kasar dan suara yang garau. Begitulah yang digambarkan oleh masyarakat tentang lelaki bapok. Mereka ini mempunyai naluri seperti kaum perempuan dan ada juga yang mengamalkan homoseksual (Norazlinda Hafiza, 2003).

Kepelbagaiannya kumpulan lelaki lembut ini sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat bahkan tindakan dan perlakuan mereka sering dibicarakan dalam akhbar arus perdana mahupun akhbar tabloid serta majalah. Sekali gus membuka mata semua pihak bahawa mereka perlu lebih prihatin dan mengambil langkah bersepada agar perkembangan kumpulan ini dapat disekat dari berkembang luas pada masa akan datang.

## 5.0 KEDUDUKAN LELAKI LEMBUT DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Tiada istilah lelaki lembut dalam Islam. Allah S.W.T. membincangkan tentang kejadian lelaki mahupun perempuan dalam perbahasan berkaitan kejadian manusia. Sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hujurat: 13.

*Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Firman Allah S.W.T. lagi dalam surah al-Tin: 4.

*Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”*

Kedua-dua ayat di atas jelas menyebutkan manusia sama ada lelaki atau perempuan dijadikan oleh Allah S.W.T. untuk saling mengenali antara satu sama lain. Setiap lelaki dan perempuan mempunyai kelebihan dan peranannya yang tersendiri. Dalam Islam, manusia merupakan makhluk Allah S.W.T. yang dikurniakan akal sebagai suatu kelebihan berbanding makhluk yang lain. Allah S.W.T. telah menceritakan proses kejadian manusia dalam al-Quran antaranya dalam surah al-Haj: 5, surah al-Insan: 2 dan surah al-Mu'minun: 12-14. Ayat-ayat ini jelas menunjukkan proses penciptaan manusia. Akan tetapi, manusia pada hari ini telah mengubah keadaan ini dan lahirlah satu golongan yang mengalami keceluaran identiti sama ada disengajakan ataupun tidak.

## 6.0 PENETAPAN JANTINA MENGIKUT PERBAHASAN ILMU FIQH

Menurut Wahbah al-Zuhaili (Asmungi, 2001), Imam Malik berpendapat bahawa keraguan daripada penetapan jantina sama ada lelaki atau perempuan disebut sebagai *khunsa* (mempunyai dua alat sulit). Kajian penetapannya dilihat melalui tiga cara iaitu alat atau saluran keluar air kecilnya, wujudnya janggut dan datangnya haid. Islam perlu menetapkan jantina seseorang kerana undang-undang dan peraturan yang mesti dipatuhi untuk menetapkan hak-hak yang berbeza-beza di antara lelaki dan perempuan seperti dalam undang-undang perkahwinan, jenayah, pengurusan jenazah, batasan aurat, kuasa talaq, wali dan sebagainya.

Di Malaysia, seorang transeksual tertakluk kepada undang-undang Islam yang telah diluluskan di Dewan Negeri. Ini termasuk hal-hal berkaitan dengan perkahwinan, penceraian dan juga hal-hal jenayah Islam. Selain daripada itu, orang Islam juga terikat dengan fatwa yang dikeluarkan sama ada oleh negeri atau Majlis Fatwa Kebangsaan. Menurut Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid dalam Seminar Mak Nyah yang diadakan pada 24 dan 25 Oktober 1987 bertempat di Universiti Malaya (UM) menetapkan keputusan bahawa pandangan Islam mengenai pembedahan menukar jantina adalah haram. Pada tahun 1983, Persidangan raja-raja telah memutuskan bahawa Majlis Raja-Raja (MRR) dalam mesyuaratnya kali ke-126 pada 24 Februari 1983 telah mempersetujui fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa seperti berikut:

- (i) Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak, dan
- (ii) Seseorang yang dilahirkan khunsa musykil iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan; lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Dalam keadaan ini, untuk menetapkan jantina adalah berdasarkan kepada tempat keluar air kecil. Sekiranya air kecil keluar melalui alat sulit lelaki, maka jantinanya adalah lelaki. Jika air kecilnya keluar dari alat sulit wanita dan didatangi haid, maka penetapan jantinanya adalah perempuan. Walau bagaimanapun, manusia tidak mengendahkan fatwa ini terutamanya golongan lelaki lembut yang kurang dan tiada pendidikan agama.

Menurut Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria (Mohd Yusman Awang *et.al.*, 2004) Mak Nyah di sisi agama sudah ditentukan hukumnya. Golongan ini

adalah seorang lelaki dan merupakan kejadian yang tidak boleh diubah. Menukar jantina adalah kekal haram selamanya. Selain itu, Pengarah Pusat Islam Universiti Putra Malaysia, Dr. Amini Amir Abdullah menyatakan:

*“Kita mudah meniru budaya orang lain hingga kita lupa bahawa segala ciptaan Allah S.W.T. adalah yang terbaik. Mengelakkan keaslian pada wajah akan menampilkan rupa paras yang lebih menarik”*

(Utusan Malaysia, 20 September 2005)

Menurut Mantan Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Dato' Prof. Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid menjelaskan tentang ketentuan Allah S.W.T. dalam menetapkan jantina seseorang. Jelas beliau:

*“Cuma ilmuwan Islam mempunyai tafsiran yang jelas bagi fenomena ini dalam masyarakat. Jika seseorang itu lahir tidak jelas jantinanya maka ulama kata ia perlu dijelaskan. Caranya, melihat kepada lebih cenderung ke arah mana fizikal dan psikologinya. Mengikut tafsiran ulama konservatif, yang dikecualikan ialah khunsa musykil (yang mempunyai dua alat kelamin).”*

*“Bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi perubatan, ulama dibantu oleh saintis dan para doktor mungkin ada penjelasan jantina untuk golongan ini. Kita berharap, kaedah perubatan moden ini dapat membantu menentukan jantina golongan ini sama ada lelaki atau perempuan.”*

Tambah lagi, perbuatan lelaki yang sengaja menyuntik hormon untuk menjadi wanita adalah haram. Malah perbuatan lelaki atau perempuan yang berlagak menyerupai jantina sebaliknya juga boleh dihukum mengikut Enakmen Undang-undang Islam. Dalam Islam juga tidak menerima konsep Liberalisme Barat tentang kebebasan melakukan apa sahaja. Islam menuntut manusia supaya tunduk kepada sifat semulajadi yang diciptakan Allah S.W.T. (Utusan Malaysia, 29 Mei 2007).

Walau bagaimanapun, terdapat keraguan yang ditimbulkan oleh lelaki lembut berkenaan keadaan diri mereka menurut kaca mata Islam. Keraguan ini timbul sekiranya golongan lelaki lembut ini menukar jantinanya dan dengan keadaan ini akan timbul persoalan dan permasalahan. Persoalan dan

permasalahan tersebut seperti dalam konteks kematian, pakaian, aurat, perwalian, perkahwinan, pembedahan dan pergaulan.

- (i) Kematian - Persoalan yang selalu diperkatakan oleh lelaki lembut dalam masalah kematian ini ialah bagaimana mengkafangkan lelaki lembut sama ada lelaki atau perempuan. Mengikut hukumnya, mengkafangkan mayat dengan apa sahaja yang dapat menutupi tubuhnya walaupun hanya sehelai kain adalah fardhu kifayah. Rasulullah s.a.w bersabda:

*Maksudnya: Dari Khabbab r.a katanya: "Kami hijrah beserta Nabi s.a.w semata-mata kerana Allah S.W.T, kerana itu pahala untuk kami telah tersedia di sisi Allah. Di antara kami ada yang telah meninggal dunia tetapi belum menerima upahnya iaitu seperti Mus'ab bin Umair. Tetapi di antaranya ada pula yang telah memetik buah yang ditanamnya iaitu orang-orang yang terbunuh (syahid) dalam peperangan Uhud. Waktu itu tidak ada untuk kafannya selain sehelai kain. Apabila kami tutup kepalanya terbuka kakinya dan apabila kami tutup kakinya terbuka kepalanya. Lalu Nabi s.a.w memerintahkan supaya menutup kepalanya sedangkan kakinya kami tutup dengan daun Izkhir."*

(Riwayat Bukhari)

Namun begitu, disunatkan bagi lelaki dikafangkan dengan 3 lapis kain manakala bagi wanita pula 5 lapis kain. Ini berpandukan sabda Rasulullah s.a.w.:

*Maksudnya:Dari 'Aisyah r.a katanya: "Rasulullah s.a.w. dikafani 3 helai kain putih halus, tenunan negeri Yaman, tidak termasuk baju dan serban."*

(Riwayat Bukhari)

Di sinilah letaknya perbezaan di antara cara mengkafangkan jenazah lelaki dengan perempuan. Bagi lelaki lembut yang hakikat dirinya yang sebenar adalah lelaki perlulah dikafangkan sama seperti lelaki lain, tidak terdapat nas ataupun hadis yang memberi pengecualian khusus kepada lelaki lembut di dalam masalah ini.

- (ii) Pakaian - Agama Islam telah menggariskan perbezaan cara berpakaian di antara lelaki dan perempuan berpandukan batas-batas penutupan aurat yang ditetapkan oleh syarak. Mereka juga dilarang berpakaian mengikut cara bertentangan dengan fitrah kejadian manusia (Abdul Qadir Ahmad Ata', t.t.: 126). Sabda Rasulullah s.a.w.:

*Maksudnya: “Dari Ibnu ‘Abbas r.a katanya: Rasullullah s.a.w. mengutuk laki-laki yang berpakaian seperti wanita dan wanita berpakaian seperti lelaki.”*

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menunjukkan bahawa lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki dalam berpakaian adalah haram. Perkataan **لعن** di dalam hadis menunjukkan betapa kerasnya larangan Rasulullah terhadap perbuatan tersebut. Dalam konteks ini, Islam menegaskan bahawa golongan lelaki lembut tidak mempunyai hak untuk berpakaian menyerupai pakaian perempuan sekalipun mereka mendakwa merasa janggal memakai pakaian lelaki. Islam menetapkan bahawa mereka tergolong di dalam golongan lelaki bukan perempuan serta bukan *khunsa*.

Golongan lelaki lembut sememangnya menyedari hakikat susuk tubuh lelaki yang mereka miliki. Sekiranya mereka menolak hakikat ini, seolah-olah mereka cuba mengubah apa yang telah diciptakan oleh Allah sedangkan Islam melarang keras umatnya mengubah ciptaan Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisa': 119.

*Maksudnya: “Dan Aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan Aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka merubahnya. Barangsiapa yang*

*menjadikan syaitan sebagai pelindung selain Allah, Maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata.”*

Kenyataan di atas menunjukkan kaum lelaki tidak boleh menyerupai perempuan sama ada dari segi cara berpakaian mahupun perbuatan. Ini kerana perbuatan mereka adalah haram di sisi agama kerana mereka telah merubah apa yang difitrahkan oleh Allah S.W.T.

- (iii) Perwalian - Wali adalah syarat sah akad nikah (Muhammad Aq’lah, 1983). Lelaki lembut yang telah menukar jantina boleh menjadi wali perkahwinan saudara mara perempuannya. Dalam Islam, tiada halangan bagi golongan ini menjadi wali perkahwinan saudara mara perempuan kerana status dirinya masih lagi lelaki walaupun ia melakukan perubahan kepada bentuk badannya seperti perempuan. Perubahan yang sengaja dibuat ini tidak diiktiraf oleh syarak. Keraguan lelaki lembut tentang kelayakan dirinya untuk menjadi wali hanyalah suatu mainan perasaan. Jelaslah di sini keraguan lelaki lembut di dalam persoalan wali ini tidak boleh diambil kira dan tetap tidak merubah hak keistimewaan hukum syarak kepada lelaki termasuklah lelaki lembut. Walau bagaimanapun, hasil daripada temu bual yang dilakukan mendapat kebanyakannya responden berpendapat mereka tidak layak menjadi wali kerana mereka bukanlah lelaki yang sempurna.
- (iv) Perkahwinan - Oleh kerana lelaki lembut adalah seorang lelaki maka tidak ada sebab bagi undang-undang menegah keinginan mereka untuk berkahwin. Perkahwinan dibolehkan bagi mereka jika mencapai had umur untuk berkahwin. Islam menggalakkan umatnya berkahwin sekiranya mereka berkemampuan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

*Maksudnya: Dari ‘Abdullah r.a katanya Rasulullah s.a.w. bersabda: “hai para pemuda! Barangsiapa di antara kamu yang telah sanggup memikul tanggungjawab berumah tangga,maka kahwinlah! Kerana perkahwinan itu dapat menundukkan mata dan kemaluan (dari dosa). Siapa yang*

*belum sanggup, hendaklah dia puasa, kerana puasa itu dapat menundukkan nafsu berahi.”*

(Riwayat Muslim)

Dalam masalah perkahwinan, lelaki lembut yang telah menukar jantina tidak boleh mendakwa dirinya perempuan sebagai alasan untuk mengahwini lelaki. Tindakan mereka mengubah jantina semata-mata untuk menjadi seorang perempuan adalah ditegah dan haram di sisi syarak. Golongan ini mestilah menerima hakikat bahawa mereka adalah lelaki. Perkahwinan mereka mestilah mengikut syarat-syarat yang telah dikenakan ke atas lelaki. Oleh yang demikian, perkahwinan lelaki lembut yang telah mengubah jantina mereka dengan mana-mana perempuan hukumnya haram dan tidak sah.

- (v) Pembedahan - Tindakan lelaki lembut melakukan pembedahan pertukaran jantina merupakan tindakan yang mencabar ciptaan Allah S.W.T. Hukumnya haram dan ia dilaknat Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w. bersabda:

*Maksudnya: “Dari Ibnu ‘Abbas r.a. katanya: Rasullullah s.a.w. mengutuk laki laki yang berpakaian seperti wanita dan wanita berpakaian seperti lelaki.”*

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menegah seorang lelaki menyerupai perempuan dengan nyata begitu juga sebaliknya. Perbuatan melakukan pembedahan jantina ini jelas dan bertentangan dengan kehendak Islam. Malah ia termasuk ke dalam perangkap syaitan. Sepertimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisa': 119.

*Maksudnya: “Dan Aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar benar memotongnya, dan akan Aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya, barangsiapa yang*

*menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata.”*

Dengan adanya gejala pembedahan untuk pertukaran jantina, maka pihak Majlis Raja-raja (MRR) dalam persidangan pada tahun 1983 telah mengeluarkan fatwa mengharamkan sebarang pembedahan atau sebarang usaha untuk menukar jantina kerana bertentangan dengan fitrah kejadian manusia.

## **7.0 LELAKI LEMBUT PADA PANDANGAN MASYARAKAT**

Pandangan masyarakat terhadap lelaki lembut boleh dilihat dalam dua situasi iaitu pada pandangan masyarakat setempat dan warga kampus. Kebiasaannya, apabila berdepan dengan sebarang masalah negatif masyarakat memberi tanggapan yang buruk kepada sesuatu perkara. Dalam berdepan dengan fenomena golongan lelaki lembut ini, majoriti masyarakat tidak dapat menerima kehadiran golongan ini sehingga golongan ini merasa tertekan menghadapi dugaan tersebut. Kehadiran mereka dipandang rendah malah ada yang menghina serta mengejek (Nazri Hamid, 1992). Namun begitu, terdapat juga masyarakat yang memandang serius tentang fenomena ini dan bersimpati dengan golongan ini. Golongan lelaki lembut mula mendapat perhatian apabila media massa membuat liputan yang meluas terhadap masalah ini.

Prof Madya Dr. Shanti Tambiah, berpendapat dalam menghadapi fenomena ini masyarakat harus lebih objektif dan logikal. Golongan lelaki lembut seharusnya diberikan peluang untuk hidup seperti individu lain dalam masyarakat. Mereka perlu dibolehkan memilih cara hidup sendiri. Selain itu, lelaki lembut ini merupakan golongan yang sangat kreatif, imaginatif dan mempunyai potensi luar biasa dalam pelbagai bidang kerana kreativiti golongan lelaki lembut ini melebihi golongan normal dalam setiap bidang. Hal ini kerana persepsi yang lahir dalam diri mereka itu berlainan daripada golongan normal (Mohd Yusman Awang *et al.*, 2004). Sebaliknya Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria tegas menyatakan bahawa lelaki yang berperwatakan lembut ini adalah haram di sisi agama dan telah ditentukan hukumnya. Ia adalah kejadian yang tidak boleh diubah dan menukar jantina adalah kekal haram hukumnya (*Ibid.*). Manakala masyarakat kampus terutamanya pelajar lelaki yang normal selalu memberi tanggapan yang negatif

kepada golongan lelaki lembut. Mereka dihina dan diejek menjadikan mereka rendah diri serta malu dan rasa tertekan sehingga ada dalam kalangan rakan-rakan sekuliah atau sekursus yang normal tidak boleh menerima diri mereka.

Kewujudan fenomena lelaki lembut di kampus bukanlah sesuatu yang baru. Kehadiran golongan ini mendapat publisiti dari pelbagai pihak sama ada daripada pelajar lelaki, pelajar perempuan dan persatuan-persatuan pelajar di kampus. Senario pelajar lelaki lembut di kampus dapat dilihat menerusi penampilan, gerak geri, percakapan dan tingkah laku mereka. Terdapat golongan pelajar lelaki lembut yang berani menggayaikan penampilan sebagai seorang wanita bukan sahaja dari segi tingkah laku seperti wanita malahan turut mengenakan solekan wajah dan memakai aksesori untuk kelihatan anggun dan menarik. Golongan ini juga sangat mementingkan soal kesihatan diri dari segi penjagaan kulit muka, badan dan lain-lain dengan memakan ubat-ubatan yang bersesuaian untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengamalkan pengambilan pil-pil hormon untuk membentuk kulit yang halus serta pertumbuhan payudara (Nor Ba'yah dan Yahaya, 2002).

Menurut Aminuddin, Pengurus Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Sumber Manusia (PPPPSM) berkata, fenomena tersebut dikaitkan dengan aspek psikologi yang berpunca daripada faktor biologi dan emosi secara personaliti iaitu pelajar lelaki suka berpakaian dan bertingkah laku seperti wanita manakala pelajar wanita berpakaian dan bertingkah laku sebaliknya.

*“Kewujudan kumpulan seperti ini dianggarkan kira kira 20 hingga 30 orang (angka tidak rasmi) di setiap IPTA di seluruh negara. Seringkali pelajar berkelakuan transeksualiti ini menjadi bahan gelak dan cemuh.”*

*“Kita tidak tahu bagaimana hendak melayani kumpulan ini sedangkan dalam waktu yang sama berbagai reaksi dan pandangan negatif diterima termasuk menolak terus kehadiran pelajar berkenaan dari IPTA”*

(Rajmah Hasan Shirat, Utusan Malaysia, 10 Ogos 2002).

Berbagai pandangan telah diberikan oleh beberapa pihak berhubung isu lelaki lembut ini. Selain menganggap lelaki lembut sebagai musibah yang mengundang gejala yang tidak sihat dalam kalangan masyarakat, tidak kurang juga yang bersympati dan meminta masyarakat menerima kehadiran golongan lelaki lembut ini dalam arus perdana.

## 8.0 FAKTOR-FAKTOR PENDORONG

Terdapat banyak faktor atau punca yang membuatkan seseorang mahasiswa itu cenderung menjadi lelaki lembut. Dari segi biologi, seseorang itu dianggap sebagai lelaki ataupun perempuan selepas ia dilahirkan berasaskan alat jantina primernya iaitu zakar untuk lelaki dan faraj untuk perempuan. Namun begitu, kadangkala timbul kekeliruan pada faktor-faktor tertentu iaitu:

- (i) Genetik - Kekeliruan yang boleh dilihat dengan mata kasar iaitu bentuk zakar yang terlalu kecil dan berbentuk luar biasa dan ada faraj bersama dengan zakar. Kebiasaannya, jika berlaku situasi ini ibu bapa akan menentukan alat mana yang lebih ketara dan mereka memilih jantina sama ada lelaki ataupun perempuan berdasarkan penilaian kasar mereka.
- (ii) Hormon - Kekeliruan yang dapat dilihat melalui pemeriksaan lengkap. Pemeriksaan ini dilakukan untuk menentukan sama ada organ dalaman seseorang itu lebih mirip kepada seorang perempuan seperti adanya rahim, saluran fallopian dan ovarи ataupun tidak. Adakah seseorang bayi itu mempunyai zakar yang jelas tetapi ia juga mempunyai rahim di dalamnya. Pemeriksaan juga perlu dibuat bagi kromosom yang terdapat di dalam sel-sel tubuhnya sama ada berbentuk XY (lelaki) atau pun XX (perempuan). Paras hormon jantina iaitu estrogen dan endrogen juga menentukan pembentukan perbezaan sifat-sifat fizikal kejantinaan terutamanya semasa dan selepas peringkat akil baligh walaupun seseorang itu mempunyai kedua-dua hormon lelaki dan hormon perempuan di peringkat akil baligh serta mempunyai hormon lelaki yang lebih banyak daripada hormon perempuan dan bagi seorang perempuan keadaan seperti ini adalah sebaliknya. Dalam sains, manusia mempunyai 46 kromosom yang mengandungi semua gen dan DNA individu. Dua daripada kromosom ini ialah kromosom seks menentukan jantina. Kromosom seks dimiliki wanita dinamakan kromosom X (XX) manakala lelaki pula kromosom X dan Y (XY). Kedua-dua kromosom seks ini membantu seseorang membentuk kesuburan dan sifat seksual mengikut jantina. Bagaimanapun, bagi lelaki, jika berlaku tambahan kromosom ia menunjukkan berlaku masalah gangguan genetik. Dalam bahasa perubatan, masalah itu disebut sebagai sindrom *klinefelter*, bermaksud lelaki dengan satu atau lebih kromosom X (Wan Halim Othman:1987).

Hormon perempuan mungkin lebih dikeluarkan oleh tubuh seseorang itu terutama sekali di peringkat akil baligh. Pada ketika itu, bentuk badan dan identiti kendirinya berubah. Satu kes hasil temu bual dengan responden yang dikenali dengan "A" dalam kajian Prof Madya Dr. Haji Wan Halim Othman (1987) dalam kertas kerjanya yang bertajuk "*Dilema Mak Nyah Di Dalam Masyarakat Malaysia*" menyatakan:

*"Pada peringkat kanak-kanak perkembangan fizikal A adalah sama seperti kanak-kanak lain. Minatnya dalam bidang sukan juga agak ketara kerana pada peringkat ini dia paling aktif dalam bermain bola sepak, hoki dan badminton. Ia pernah bergaul secara kasar dan lasak dengan kawan-kawannya sama ada di dalam aktiviti pergerakan jasmani ataupun kegiatan lain di kampung. Dia pernah bergaduh dan bertumbuk dengan kawan-kawan yang sebaya dengannya."*

Menyorot kehidupan responden A ketika berumur sebelas tahun dan dua belas tahun, perkembangan emosinya mula terganggu sedikit dan sifat perlakuannya bertambah lembut. Pada umur ini juga mula timbul naluri keperempuanannya. Perasaan ini amat ketara melanda jiwanya ketika bersendirian. Menurut A, ibu bapanya tidak pernah membesarkannya seperti perempuan. Ibu bapanya juga tidak pernah membelikan barang-barang permainan kanak-kanak perempuan seperti anak patung dan set permainan pinggan mangkuk tetapi sebaliknya ibu bapanya membelikan barang-barang permainan bercorak lelaki seperti bola, pistol, lori dan lain-lain lagi. Dari segi pakaian, ibu bapanya lebih gemar membelikannya dengan pakaian-pakaian lelaki dan bukannya pakaian perempuan.

Tambahan lagi, semasa berumur tiga belas tahun, keadaan fizikal A mula berubah. Punggungnya semakin besar dan bulat. Dadanya semakin membesar iaitu agak besar daripada dada lelaki yang normal sedangkan ketika itu A bukanlah seorang yang gemuk. Tubuh badan A juga mula membesar dan gemuk ketika berusia enam belas tahun. Cara dan gaya berjalan telah mula berlenggang lenggok seperti gaya perempuan berjalan. Suara A masih halus seperti biasanya terutama sekali jika dia bercakap dengan nadanya yang tinggi. Suara halusnya akan lebih ketara jika ia menyanyi ataupun ketika dia sedang marah.

Kemudiannya, kawan-kawannya yang tinggal bersamanya menyedarkannya tentang bentuk badannya, dadanya, gaya dia berjalan, gaya percakapan serta serba-serbi kehidupan hariannya yang lebih mirip kepada sifat kewanitaannya. Pada ketika itu, ada sesetengah kawan-kawan lelakinya suka memeluk dan menggomol dirinya. Oleh kerana sifat kewanitaannya dan perasaan berahinya kepada lelaki, A merasa seronok bila dilakukan sebegitu. Fenomena ini jelas menunjukkan fizikal keperempuanan seperti dada yang besar, tulang pelvis yang besar, suara yang halus dan sebagainya merupakan kesan-kesan hormon perempuan (estrogen) yang berlebihan. Hormon-hormon ini boleh menimbulkan perasaan keperempuanan selain daripada teguran orang lain bahawa individu itu bersifat seorang perempuan (Wan Abdul Halim: 1987).

Dalam keadaan lain, selain daripada kesan hormon semulajadi dalam tubuh seseorang lelaki, untuk kelihatan menarik dan cantik serta berpenampilan bergaya seperti perempuan, lelaki lembut mengambil pil-pil hormon dan jenis-jenis ubatan bagi mengawal keadaan fizikal mereka. Bagi golongan lelaki lembut, mereka mengambil pil hormon wanita bertujuan untuk membesarakan payu dara, penjagaan kulit supaya halus, serta memastikan bentuk tubuhnya kelihatan seperti wanita sempurna. Satu kajian oleh Prof. Madya Dr. Wong Yut Lin, Pensyarah Unit Pembangunan Penyelidikan Kesihatan (Herdu) Universiti Malaya mengenai penggunaan ubat hormon dalam kalangan mak nyah di Malaysia pada tahun 2004, mendapati kira-kira dua pertiga daripada responden mengakui menggunakan pil hormon termasuk *Marwelon*, *Premarin*, *Notdette*, *Depo Provera*, *Nordial* dan *Sybestrol*. Di antara nama-nama pil hormon ini *Marwelon* adalah yang paling popular dalam kalangan mak nyah di Malaysia iaitu sebanyak 33% (Mohd Yusman Awang et al., 2004). M. Michele Burnette (2006) berpendapat:

*“some individuals are content to live and dress as the opposite sex, but many seek “sex reassignment which is having surgery to restructure the genitalia to appear as the opposite sex and taking hormones to change voice quality, muscle mass, hair growth, breast size and body fat distribution to appear like the opposite sex.”*

Penyataan di atas menjelaskan ada individu hidup dan berpakaian seperti kaum wanita malah mereka melakukan pembedahan alat kelamin untuk kelihatan sebagai kaum wanita dan mengambil hormon-hormon untuk menukar kualiti suara, jisim otot, pertumbuhan rambut, saiz payudara dan lemak badan untuk kelihatan dan berpenampilan seperti wanita.

- (iii) Keluarga - Faktor keluarga turut menyumbang kepada fenomena lelaki lembut ini. Didikan awal ibu bapa terhadap anak-anak juga merupakan tanggungjawab yang penting dalam membentuk identiti mereka. Segala tingkah laku yang berlaku dalam sesebuah keluarga itu akan memberi kesan kepada anak-anak. Bagaimana interaksi ibu dan bapa serta cara mereka berhubung dengan anak-anak boleh mempengaruhi identiti jantina mereka. Segelintir ibu bapa bersikap menggalakkan anak lelaki mereka terus berperwatakan lembut yang menyebabkan gejala itu semakin berleluasa. Ibu bapa mungkin merasa seronok anak-anak mereka kelihatan "comel" dan "cantik" apabila berpakaian perempuan, anak lelaki pula merasa senang mendapat pujian apabila berpakaian perempuan. Sedangkan ibu bapa menyangkakan bahawa anak dengan sendiri berhenti berpakaian sedemikian apabila menjangkau usia remaja kelak. Akan tetapi, apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Selain itu juga, kanak-kanak lelaki yang terlalu rapat dengan ibu dan adik beradik perempuan mungkin akan terpengaruh dengan cara pemikiran dan juga mempengaruhi pembentukan identiti. Keadaan ini menjadi lebih serius jika kanak-kanak lelaki itu merasa benci terhadap bapa atau adik beradik lelaki terutama sekali apabila tingkah laku bapanya banyak menimbulkan perasaan marah dan benci di dalam jiwa anak lelaki. Bapa yang terlalu pasif dan tidak bertanggungjawab serta ibu yang terlalu dominan dalam keluarga juga mempunyai kesan yang ketara ke atas seseorang anak lelaki. Ibu berperanan membuat segala peraturan rumah dan mengadakan disiplin serta keputusan dalam keluarga (Wan Halim Othman: 1987).

Ibu bapa juga sering memberikan perhatian dan kasih sayang yang lebih kepada anak perempuan berbanding anak lelaki. Penilaian ini mendorong seseorang anak lelaki itu menukar jantinanya untuk mendapat kasih sayang dan perhatian yang lebih daripada ibu dan bapanya (Nazri Hamid:1992). Selain itu, faktor-faktor seperti menggalakkan anak lelaki berpenampilan seperti wanita, anak lelaki terlalu rapat dengan ibu dan adik beradik

perempuan serta membuat penilaian jantina perlu dipandang serius supaya fenomena lelaki lembut ini dapat dibendung. Golongan lelaki lembut ini terdorong apabila semasa zaman kanak-kanak mereka mengalami penyilangan jantina. Mereka gemar memakai pakaian perempuan mahupun menggunakan pakaian yang ada dan membayangkan sebagai pakaian wanita. Sebagai contoh ialah tuala, apron dan skarf selalunya digunakan sebagai ganti untuk melambangkan skirt dan rambut panjang. Kanak-kanak lelaki ini juga mempunyai kecenderungan yang lebih untuk bermain bersama dengan kanak-kanak perempuan. Sebagai contoh minat bermain anak patung, main masak-masak, melukis gambar perempuan atau seorang puteri dan menonton rancangan televisyen yang mempunyai karakter utama seorang wanita. Kanak-kanak lelaki pula tidak suka melakukan aktiviti dan sukan lasak yang pada kebiasaannya dilakukan oleh golongan lelaki. Kanak-kanak lelaki ini juga menyimpan hasrat untuk menjadi wanita apabila dewasa kelak (Roseliza Murni Ab. Rahman: 2002).

- (iv) Rakan Sebaya dan Masyarakat - Faktor rakan sebaya turut mempengaruhi perlakuan transeksual apabila individu terbabit mempunyai lebih ramai kawan perempuan berbanding lelaki (Rajmah Hasan Shirat, Utusan Malaysia: 10 Ogos 2002). Bahkan tidak dapat dinafikan bahawa golongan lelaki lembut lebih terdorong untuk menjalinkan persahabatan dengan golongan yang sama dengannya. Bahkan sikap masyarakat yang meminggirkan lelaki berperwatakan lembut turut menjadikan tingkah laku lelaki berkenaan bertambah cenderung kepada wanita. Keadaan itu berlaku ekoran lelaki berkenaan akan bergaul, berkawan dan bercampur dengan golongan yang mempunyai personaliti yang sama. Ketua Jabatan Psikologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Wan Abdul Kader Wan Ahmad berkata, golongan itu akan berasa lebih selamat dan tenteram berada dalam kelompok rakan yang mempunyai masalah berkenaan. Kesan daripada itu, lelaki berkenaan akan terus berada dalam kelompok berkenaan yang akhirnya menjadikan mereka lebih bersifat "kewanitaan". Apabila bercampur sesama sendiri maka banyaklah dorongan diperolehi daripada rakan sekumpulan untuk menjadi lebih lembut atau lebih bersifat kewanitaan (Rohana Man, Utusan Malaysia: 14 Mei 2001).
- (v) Media Massa - Peranan media adalah untuk menyampaikan maklumat terkini dan isu sensasi baik melalui media elektronik mahupun media

cetak. Dewasa ini, kebanjiran majalah hiburan serta paparan wajah artis serta model dalam internet yang mudah dicapai sedikit sebanyak mendorong golongan lelaki yang mempunyai naluri kewanitaan meniru gaya dan penampilan artis untuk kelihatan lebih cantik.

Dalam media elektronik pula, rancangan seperti pertunjukan fesyen, memasak, mengubah bunga dan andaman juga memberi kesan untuk lelaki cenderung menjadi lembut. Golongan ini sangat suka bahkan terhibur apabila menonton rancangan seumpama in kerana ia bersesuaian dengan jiwa mereka. Bukan itu sahaja, penonton dan pembaca dapat menyaksikan dan membaca penglibatan mak nyah sebagai pekerja profesional dan separa profesional dalam pelbagai kerjaya yang berkaitan dengan rekaan fesyen, dandan dan persolekan, perunding imej dan sebagainya (Nor Akmar Nordin *et al.*, 2004).

Menurut Dr Shanti Tambiah, pensyarah di Jabatan Gender, Universiti Malaya menjelaskan bahawa golongan lelaki lembut ini diharamkan muncul di kaca televisyen kerana bimbang gejala ini menular dalam kalangan masyarakat. Pihak berkuasa bimbang sekiranya bilangan lelaki seumpama ini bertambah dan cenderung menjadi mak nyah (Mohd Yusman Awang *et al.*, 2004).

Keseluruhan faktor di atas merupakan faktor yang mendorong seseorang lelaki itu menjadi lelaki lembut. Semua pihak perlu melihat aspek ini dengan lebih mendalam dalam rangka membendung gejala ini agar tidak menjadi barah dalam masyarakat. Penyelidik membahagikan kepada empat faktor yang mempengaruhi golongan lelaki lembut di UTM. Faktor tersebut ialah faktor biologi, faktor rakan, faktor keluarga dan faktor media. Melalui faktor-faktor yang telah disenaraikan, penyelidik ingin melihat apakah faktor yang paling mempengaruhi mereka berperwatakan lembut.

Sebelum merujuk kepada faktor-faktor tersebut, ke semua responden bersetuju dan mengetahui bahawa kelompok mereka dikenali dan tergolong sebagai lelaki lembut. Bahkan, responden C dan responden H menyatakan bahawa mereka bukan sahaja dipanggil lelaki lembut malah pelbagai gelaran diberikan kepada mereka seperti “sotong” dan “pondan”. Hasil daripada temu bual, semua responden memberitahu mereka menjadi lembut bukan disebabkan faktor biologi. Maksudnya disini, mereka tidak mempunyai dua alat sulit iaitu lelaki dan perempuan semasa dilahirkan.

Berhubung dengan faktor keluarga, responden C menyatakan bahawa selain faktor rakan, faktor yang mendorong beliau menjadi lembut ialah disebabkan kurangnya kasih sayang seorang bapa. Tambah beliau lagi, ini disebabkan oleh sikap bapanya yang tegas hingga membuatkan beliau lebih rapat dengan ibunya. Manakala bagi responden D, selain menjadi anak bongsu dalam keluarga, beliau mempunyai adik beradik perempuan yang ramai. Oleh itu, beliau amat rapat dengan kakak-kakak. Bahkan semasa kecil, beliau suka tidur dan banyak berkongsi cerita atau pengalaman hidup bersama dengan adik beradik perempuan. Bagi responden F, beliau mempunyai dua beradik dalam keluarga. Beliau ialah anak yang sulung. Kecenderungan ibu bapa memberi lebih perhatian kepada anak perempuan lebih daripada anak lelaki turut menjadi faktor pendorong kepada perubahan identiti dirinya menjadi lelaki lembut. Kasih sayang seorang bapa diganti dengan perhatian yang lebih oleh ibunya. Tambah responden F, beliau amat rapat dengan ibunya dan inginkan kasih sayang seorang bapa. Menurut responden A, semasa kecil beliau selalu menggunakan barang solek ibunya dan menggayakan serta memakai pakaian ibunya secara bersembunyi di rumah. Walaupun ibunya mengetahui keadaan tersebut, namun tiada teguran diberikan. Pandangan responden A turut disokong oleh responden C yang menyatakan ibunya suka memakaikannya dengan pakaian perempuan sejak kecil.

Berkaitan dengan faktor rakan, kesemua responden bersetuju bahawa lelaki lembut suka berkawan dengan perempuan. Semua responden turut menjelaskan bahawa mereka berkawan dengan perempuan kerana mempunyai jiwa dan budaya yang sama. Manakala tiga responden iaitu responden D, responden F, dan responden I memberitahu bahawa mereka telah mula berkawan dengan pelajar lembut sejak di bangku sekolah menengah dan masih berkawan sehingga ke hari ini. Manakala responden D menyatakan bahawa beliau menjadi lembut disebabkan peristiwa silam akibat putus cinta dengan teman wanitanya. Beliau berperwatakan lembut dan mengikut gaya wanita untuk membala dendam terhadap perempuan di luar. Tambah beliau lagi, hatinya susah untuk menerima perempuan sebagai teman hidup di masa hadapan.

Apabila mereka masuk ke UTM, mereka masih bersama dalam kelompok lembut. Kesemua responden turut bersetuju bahawa faktor rakan merupakan pengaruh yang kuat. Di UTM, mereka suka meluangkan masa bersama-sama seperti keluar makan, berhibur dan beriadah. Mereka juga lebih suka dan selesa keluar makan bersama kelompok lembut yang lain kerana boleh bertukar-tukar cerita dan berbincang sekiranya mempunyai masalah. Namun, mereka juga

mempunyai kawan lelaki normal di kampus. Mereka turut bantu membantu sesama mereka sekiranya ada dalam kalangan mereka mempunyai masalah seperti berkaitan dengan hal akademik dan kewangan. Responden D dan E menyatakan bahawa kelompok *senior* lelaki lembut akan membantu *junior* dalam hal akademik. Tambahan lagi, mereka bangga dengan pencapaian akademik yang memberangsangkan. Manakala responden B dan responden D menyatakan kelompok lelaki lembut suka berjalan beramai-ramai. Bagi mereka, keadaan ini memberi keyakinan yang tinggi dan satu kebanggaan kepada mereka di UTM. Selain faktor keluarga dan rakan, faktor media turut memainkan peranan dan mempengaruhi perubahan identiti lelaki lembut. Rancangan-rancangan fesyen, andaman dan solekan amat diminati oleh lelaki lembut. Selain rancangan-rancangan tersebut, media juga didapati sering menayangkan rancangan yang banyak mempopularkan watak mak nyah dan lelaki lembut seperti siri sitcom senario dan raja lawak. Semua responden bersetuju bahawa mereka suka menonton rancangan yang kebiasaannya sesuai ditonton oleh golongan wanita. Responden A dan responden H menyatakan bahawa rancangan yang ditonton bersesuaian dengan jiwa mereka dan mereka suka membaca majalah-majalah yang berkaitan dengan fesyen. Selain itu, mereka suka melihat model-model lelaki yang segak dan model-model perempuan yang cantik. Responden J menyatakan bahawa beliau ingin kelihatan cantik seperti model di dalam majalah. Manakala responden C menambah mereka sentiasa mengikuti perkembangan fesyen terkini dan akan memberi pendapat tentang fesyen tersebut dalam kelompok mereka.

Media turut mempengaruhi hobi lelaki lembut. Lapan daripada sepuluh responden menyatakan bahawa mereka mempunyai hobi seperti perempuan. Lima responden menyatakan bahawa mereka suka memasak. Manakala tiga responden yang lain cenderung kepada menjahit. Responden C menyatakan bahawa beliau minat menjahit dan bercita-cita untuk mengembangkan minat ini pada masa hadapan. Kelapan-lapan responden juga mempunyai minat yang mendalam terhadap hobi wanita yang lain seperti bersolek, mengandam dan gubaham.

## 9.0 KESAN PEMBENTUKAN SAHSIAH

Pembentukan sahsiah seseorang individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Begitu juga dengan lelaki lembut. Bagi lelaki lembut pembentukan identiti mereka

dipengaruhi oleh faktor dari sudut biologi, keluarga, rakan sebaya, mahupun masyarakat. Faktor pembentukan sahsiah ini turut memberi kesan kepada golongan lelaki lembut. Antaranya ialah kesan kepada sikap, pemikiran, pemakaian dan budaya.

### (i) **Sikap**

Dari segi sikap, golongan lelaki lembut mempunyai sikap yang agak sensitif kerana ketidakbukaan minda masyarakat yang masih lagi tidak boleh menerima keadaan mereka. Sifat-sifat wanita yang sensitif, mudah tersentuh, emosi dan mudah menangis telah wujud dalam diri mereka secara tidak langsung membuatkan golongan wanita merasa ‘pelik’.

Lelaki lembut akan sedaya upaya berusaha menukar persepsi masyarakat terhadap kelompok mereka. Golongan lelaki lembut ini akan bertolong bantu sesama mereka memandangkan mereka adalah golongan minoriti. Bagi lelaki lembut di IPT, mereka sememangnya rapat antara satu sama lain. Mereka tololong menolong dalam semua perkara seperti masalah kewangan, hal-hal akademik termasuk soal peribadi. Ini menyebabkan mereka lebih percaya dengan kelompok mereka berbanding rakan lelaki atau perempuan (Mohd Yusman Awang *et al.*, 2004).

Selain daripada itu, kesan faktor dari media menyebabkan golongan lelaki lembut suka meniru gaya dan personaliti perempuan. Artis dan model yang diminati menjadi *role model* mereka. Mereka juga yakin dan selesa dengan keadaan mereka. Ada juga dalam kalangan lelaki lembut terdetik meminati lelaki normal yang lain. Hal keadaan ini kerana mereka telah mempunyai naluri wanita. Dalam pada itu, ada golongan lelaki lembut yang hanya minat kepada kaum lelaki dan melakukan seks di luar tabii seperti homoseksual. Terdapat juga lelaki lembut yang mempunyai niat untuk mengubah jantina. Mereka bertindak sebegini atas kerelaan diri sendiri dan bagi memenuhi impiannya untuk menjadi seorang wanita (*Ibid*).

Begitu juga, ada sebahagian lelaki lembut cenderung untuk bersosial. Mereka suka bersosial dan mencari pengalaman baru. Golongan ini amat bertanggungjawab dan boleh diharapkan. Mereka

juga bersifat mesra dan cergas. Mereka mempunyai idea yang baik terhadap cara perlaksanaan dan tidak takut untuk mengeluarkan pandangan (Nor Akmar Nordin *et al.*, 2004). Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan lelaki lembut mempunyai sikap dan perasaan yang sensitif sama seperti sikap serta naluri yang dimiliki oleh wanita. Oleh yang demikian, ada sebahagian mereka yang meminati kaum sejenis dan ada yang ingin menukar jantina untuk memuaskan hati mereka tanpa memikirkan soal hukum agama.

## (ii) Pemikiran

Dari segi pemikiran, golongan lelaki lembut sukar untuk kembali kepada kehidupan lelaki normal. Hal ini kerana mereka sudah sebat dengan kehidupan seseorang wanita. Mereka tidak mampu untuk mengubah penampilan ciri-ciri lembut dan naluri perempuan yang ada pada diri mereka. Untuk masa hadapan, golongan lelaki lembut sanggup berkorban apa sahaja. Lelaki lembut ini juga mempunyai impian dan bercadang untuk mendalamidi bidang kosmetik dan ingin mengeluarkan jenama kosmetik sendiri (Mohd Yusman Awang *et al.*, 2004). Golongan lelaki lembut meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap diri sendiri. Keadaan ini dapat dilihat dari sudut kepentingan naluri sendiri. Mereka menjadikan diri mereka agak degil dan mengabaikan pendapat orang lain. Mereka beranggapan bahawa mereka sentiasa betul dan mementingkan kesempurnaan (Nor Akmar Nordin *et al.*, 2004).

Golongan lelaki lembut juga tidak mengambil kisah sekiranya rakan-rakan sama ada lelaki atau perempuan mengusik, mengejek dan membuli mereka. Golongan ini sudah lali dengan keadaan seperti ini dan tidak ambil kisah merupakan jalan yang terbaik untuk meneruskan kehidupan mereka. Dalam kalangan lelaki lembut, mereka perlu kuatkan diri dan sentiasa membuat persedian untuk masa hadapan. Kesan pembentukan sahsiah dari sudut pemikiran menunjukkan bahawa mereka sukar dan tidak mampu untuk kembali kepada kehidupan normal seorang lelaki. Ada sebahagian daripada golongan ini sanggup untuk berkorban apa sahaja untuk memuaskan diri

mereka. Mereka juga tidak ambil kisah sekiranya mereka selalu diejek, dibuli dan diusik.

### (iii) **Gaya Hidup dan Budaya**

Golongan lelaki lembut juga lebih selesa menjalani kehidupan sebagai seorang wanita dan mempunyai impian dan harapan yang tinggi untuk menukar imej. Desakan naluri kewanitaan juga kuat untuk mereka bertindak semata-mata mengikut perasaan tanpa memikirkan akibatnya. Dari segi pemakaian dan penampilan, golongan lelaki lembut tidak merasa malu untuk berpakaian seperti perempuan. Malah daripada pemakaian, mereka amat mementingkan kekemasan dan berpesonaliti menarik. Selain itu, mereka juga menubuahkan persatuan mereka sendiri untuk memudahkan perancangan dan pergerakan aktiviti kelompok dan tempat untuk mereka berbincang serta berkongsi segala masalah. Penubuhan persatuan sebegini menyebabkan bilangan mereka semakin bertambah. Contohnya seperti *Pink Triangle* yang berpusat di Kuala Lumpur (Nor Akmar Nordin *et al.*, 2004).

Dalam kalangan lelaki lembut, mereka mesti memastikan bahawa diri kelihatan menarik dan kemas. Mereka berpakaian kemeja-T yang ketat mengikut potongan badan, berseluar *slacks* dari kain jenis lembut dan berpotongan wanita, berkasut seperti wanita, menggalas beg *East India Company*, wajah yang bersih beralaskan bedak asas, kening berbentuk cantik dan secalit gincu atau pengilat bibir untuk membentuk bibir agar kelihatan lebih menawan dan mengurangkan (Norulhuda, 2001).

Selain daripada itu, golongan lelaki lembut suka membeli barang solek yang mahal. Bagi lelaki lembut di IPTA, mereka sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk membeli alat solek yang mahal. Kemungkinan mereka memperolehi sumber kewangan daripada keluarga ataupun bekerja sambil belajar untuk menampung kos sara hidup mereka. Ada juga di antara golongan lelaki lembut mengambil hormon untuk kelihatan seperti perempuan. Penyelidik telah membuat kajian tentang jenis-jenis hormon yang kebiasaannya dibeli oleh lelaki lembut di sebuah farmasi di Taman Universiti.

Berikut adalah antara jenis-jenis hormon bagi lelaki lembut yang mengambil hormon serta harga terkini hormon tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Jenis hormon</b>	<b>Harga</b>
1	Marvelon	RM11.90
2	Nordette	RM8.00
3	Rigevidon	RM5.90
4	Mercilon	RM18.90
5	Premarin	RM24.30
6	Trnordiol	RM13.20
7	Mygrogynon 30	RM9.00

Daripada pelbagai jenis hormon yang disenaraikan, hormon jenis *Marvelon* dan *Premarin* adalah jenis hormon yang kebiasaannya dibeli oleh lelaki lembut yang digunakan untuk melawan hormon lelaki supaya kelihatan seperti tubuh seorang perempuan.

Berkaitan dengan kesan ke atas pembentukan sahsiah, secara umumnya, persepsi masyarakat mendapati lelaki lembut mempunyai masalah komunikasi bersama rakan-rakan, pensyarah dan staf universiti atau masyarakat di luar. Akan tetapi dalam hal ini berlaku sebaliknya. Semua responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah berkomunikasi dengan rakan-rakan, pensyarah serta staf universiti. Responden A, C, D, E, F, G menyatakan bahawa mereka diberikan layanan yang baik dan mesra. Ini kerana pada kebiasaan lelaki lembut mempunyai perwatakan peramah dan mudah mesra dengan orang persekitaran. Manakala responden B, G, H, I dan J merasakan dengan keadaan diri mereka yang lembut mereka tiada keyakinan diri ketika di peringkat awal kemasukan di UTM. Walau bagaimanapun, mereka semakin berani dan memperoleh keyakinan diri apabila berjumpa dengan kelompok lelaki lembut di kampus. Responden D juga menyatakan bahawa dengan penampilan dan perwatakan lembut memudahkan pensyarah, staf dan pelajar UTM mengingati nama beliau sekali gus merupakan satu permulaan yang baik bagi beliau.

Begitu juga semua responden bersetuju bahawa kebanyakan mahasiswa mempunyai tanggapan yang sempit terhadap lelaki lembut di UTM. Mahasiswa sering menganggap bahawa lelaki lembut selalu membuat perkara yang tidak baik dan berakhhlak rendah sedangkan sebagai pelajar IPT, sewajarnya mereka

menggunakan akal fikiran dan berfikiran matang untuk menilai seseorang terlebih dahulu.

Di samping itu, semua responden turut bersepakat bahawa kehadiran pelajar lelaki lembut sering diganggu dan diejek oleh mahasiswa yang lain. Situasi ini berbeza berbanding di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, mereka sudah boleh menerima situasi ini. Responden D dan H menyatakan situasi ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan lelaki lembut lebih suka membuat hal masing-masing. Manakala responden lain merasakan walaupun mereka kurang menerima ejekan tetapi mereka sering mendengar suara-suara umpatan daripada pelajar lain tatkala bertembung dengan kelompok tersebut.

Golongan lelaki lembut sering diejek dan diusik kerana perwatakan mereka yang lembut. Hal ini turut disokong oleh semua responden bahkan mereka sudah lari dengan situasi seumpama ini. Walaupun pada peringkat *junior* mereka merasa tertekan dan malu dengan ejekan serta usikan rakan-rakan tetapi apabila mereka menjadi senior keadaan ini sudah menjadi perkara biasa bahkan mereka mampu untuk bertindak balas sekiranya mereka diganggu.

Hampir semua responden bersetuju untuk berubah menjadi lelaki normal. Akan tetapi, mungkin mengambil masa yang agak lama dan bergantung kepada persekitaran mereka. Walau bagaimanapun, responden D dan E menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai niat untuk berubah dan agak susah untuk berubah kepada keadaan yang normal kerana naluri dan jiwa keperempuanan sudah sebatи dalam diri mereka. Responden C menjelaskan bahawa beliau cuba memberi ruang dalam diri untuk berubah hasil dorongan rakan-rakan yang selalu memberi peringatan dan nasihat. Akan tetapi beliau berpendapat, diri sendiri yang memainkan peranan untuk bertindak di samping sokongan masyarakat sekeliling. Responden A, B, G dan I memberitahu kepada penyelidik, mereka perlu melakukan sedikit perubahan dalam diri apabila mereka keluar bekerja.

Berkaitan dengan pengambilan hormon, empat responden mengakui mereka pernah mengambil hormon. Namun, sekarang mereka tidak lagi mengambil hormon. Responden menyatakan bahawa mereka mengambil hormon hanya ingin mencuba. Hormon yang biasa diambil ialah hormon jenis *marvelon*. Kemudiannya, mereka berhenti mengambil hormon kerana masalah kewangan yang tidak mencukupi. Responden D memberitahu penyelidik, bagi kelompok lembut yang ingin mengambil hormon hendaklah berfikir terlebih dahulu akan risikonya. Hal ini kerana, pada pendapat beliau pengambilan hormon akan memudharatkan tubuh badan. Beliau mengakui, badan akan kelihatan cantik

seperti perempuan jika mengambil hormon. Manakala responden C menjelaskan kepada penyelidik walaupun telah berhenti mengambil hormon, beliau tetap menjaga kesihatan diri melalui pengambilan *vitamin E* untuk mencantik dan menghaluskan kulit.

Manakala tiga responden lain menjelaskan mereka suka memakai *make up* dan pakaian seperti wanita. Bagi mereka, ia merupakan satu kepuasan dan keyakinan apabila berhadapan dengan masyarakat kampus. Apabila diajukan soalan, adakah kelompok ini mempunyai hati dan terdetik meminati lelaki, tujuh daripada sepuluh responden memberi jawapan bahawa mereka ada terdetik meminati lelaki lain. Akan tetapi, hanya sekadar suka-suka dan minat sahaja. Manakala semua responden tidak bersetuju untuk mengubah jantina. Mereka menyatakan bahawa mereka masih waras dan tahu hukum hakam agama selain memikirkan pandangan masyarakat serta maruah keluarga kiranya mereka menukar jantina.

Responden B, C, D, dan H pula menyatakan bahawa mereka mempunyai citarasa perempuan yang terlalu tinggi. Mereka pernah mencuba memakai baju perempuan, memakai kasut tumit tinggi dan memakai rambut palsu, dan kemudian keluar lewat malam untuk memuaskan nafsu mereka. Pengakuan yang diberikan oleh responden ini mendapati faktor-faktor yang mendorong mereka menjadi lelaki lembut turut meninggalkan kesan yang mendalam ke atas perubahan identiti diri mereka.

## 10.0 CADANGAN

Untuk membendung peningkatan golongan lelaki lembut di UTM khasnya dan di seluruh IPT amnya agar tidak menjadi bertambah serius pada masa akan datang, beberapa tindakan perlu diambil. Oleh yang demikian, kajian ini turut menyarankan beberapa cadangan yang perlu diberi perhatian oleh setiap lapisan masyarakat dan institusi yang terlibat iaitu:

Pertama, golongan lelaki lembut tidak sepatutnya mengambil ringan tentang fenomena yang mereka alami untuk kebaikan mereka di masa hadapan. Oleh itu, lelaki lembut seharusnya mengenali dan menerima hakikat kejadian diri mereka. Perkara ini penting sebagai langkah permulaan untuk mereka menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Lelaki lembut seharusnya sedar akan hakikat diri mereka sebagai seorang lelaki sejati dan bukannya seorang perempuan. Mereka

juga seharusnya insaf dan sedar bahawa apa yang berlaku pada diri mereka merupakan sesuatu yang tidak perlu dikesali mahupun merubahnya.

Tiada siapa yang berhak mempertikaikan segala ciptaan Allah S.W.T. Allah S.W.T. Maha Bijaksana di atas segala sesuatu yang diciptakanNya. Kebijaksanaan Allah S.W.T. didasarkan kepada ilmuNya yang tiada had sempadan. Sekiranya lelaki lembut dapat menerima hakikat kejadian diri mereka sudah pasti mereka tidak akan terikut-ikut dengan hawa nafsu dan membentuk diri mereka seperti perempuan. Lelaki lembut seharusnya bersyukur dengan kejadian diri mereka. Seterusnya segera bertaubat atas tindakan mereka yang mengambil hormon astrogen, melakukan pembedahan bagi menukar jantina, berpakaian seperti perempuan beserta *make up* dan semua perbuatan mereka yang bertentangan dengan hukum Allah S.W.T. yang jelas haram dan dikutuk oleh Allah S.W.T.

Kedua, ibu bapa merupakan orang yang paling hampir dengan anak-anak seharusnya memberi pendidikan yang sempurna. Perkembangan anak-anak semasa kecil banyak dipengaruhi oleh ibu bapa mereka. Ibu bapa hendaklah sentiasa berhati-hati semasa membentuk keperibadian anak-anak supaya mereka membesar sebagaimana yang sepatutnya dengan fitrah kejadian diri mereka yang asal.

Keluarga yang terlalu memanjakan anak di samping tiada teguran diberikan sekiranya membuat kesalahan merupakan salah satu sebab yang mendorong anak-anak lelaki berperwatakan lembut. Ibu bapa perlu mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh anak-anak serta pengawasan yang baik dan teliti agar anak-anak tidak silap memilih kawan dan tidak mengalami kecelaruan dalam tingkah laku serta identiti mereka. Oleh itu, bagi ibu bapa yang mempunyai anak dalam kalangan lelaki lembut perlu memberi lebih perhatian dan bimbingan terutama dari segi didikan agama dan etika berpakaian serta pergaulan. Ibu bapa perlu memohon serta memberi kerjasama dengan para pensyarah dan pihak pentadbiran universiti untuk sama-sama berusaha memikirkan jalan penyelesaian terbaik bagi membantu anak mereka yang tergolong dalam kalangan lelaki lembut ini.

Ketiga, selain diri sendiri dan ibu bapa, masyarakat juga hendaklah faham akan hakikat jiwa golongan lelaki lembut. Sewajarnya masyarakat tidak mengecam dan menghina golongan ini semata-mata disebabkan sifat mereka yang lembut. Masyarakat hendaklah menerima golongan lelaki lembut dengan baik serta berusaha membimbing mereka kembali kepada fitrah kejadian mereka sebagai lelaki. Masyarakat seharusnya matang dan mengetahui bahawa dengan mengecam

tidak akan berjaya menyelesaikan masalah yang berlaku dalam kalangan lelaki lembut. Bahkan mereka akan kekal dengan identiti lembut mereka di samping menjauhkan diri dari masyarakat.

Keempat, media massa juga memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah lelaki lembut. Saluran maklumat yang disampaikan dan ditayangkan hendaklah mempunyai nilai-nilai positif kepada masyarakat. Pihak media massa baik media cetak maupun elektronik seharusnya menyekat kemunculan rancangan yang dikelolakan oleh kelompok lelaki lembut seperti rancangan memasak dan andaman. Pihak media juga seharusnya menyekat lakonan sebagai lelaki lembut dalam drama, filem maupun sitcom dan rancangan realiti tv. Begitu juga dengan artikel-artikel daripada majalah, surat khabar dan sebagainya.

Kelima, pihak universiti seharusnya memperketatkan lagi tindakan ke atas pelajar-pelajar lelaki yang didapati berperwatakan lembut dan keperempuanan. Tindakan tegas wajar diberikan kepada pelajar yang tidak mahu mengubah sikap mereka walaupun telah diberi peringatan dan peluang untuk memperbaiki diri. Maka pihak universiti boleh mengambil tindakan terhadap golongan lelaki lembut ini. Untuk itu, universiti perlu menguatkuasakan peraturan dan etika berpakaian yang sedia ada. Sekiranya terdapat kekurangan pada peraturan yang sedia ada, maka wajar diwujudkan satu peraturan khusus yang berkaitan dengan lelaki lembut dan perempuan keras.

Pihak universiti disaran supaya mengadakan kursus-kursus motivasi dan peningkatan imej kepada pelajar yang terlibat dalam budaya lelaki lembut. Pengisian kursus ini haruslah berkaitan dengan aspek-aspek pembinaan rohani dan jasmani selain pembentukan imej lelaki dalam diri peserta. Golongan lelaki lembut wajar diberi kesempatan dalam sesi-sesi kaunseling individu dan kelompok bagi membantu golongan ini mencari identiti sebenar serta membuka minda mereka mengenai keburukan dan ketidak sesuaian imej serta budaya yang mereka amalkan.

Selain itu, pengawalan secara sistematik terhadap perkembangan budaya golongan lelaki lembut di UTM perlu dibuat pemantauan secara langsung atau tidak langsung oleh pihak universiti melalui Hal Ehwal Mahasiswa (HEMA) dengan kerjasama pihak keselamatan, pengetua dan felo kolej kediaman pelajar, Pusat Islam maupun pengurusan universiti. Pengembelangan seluruh tenaga warga universiti serta pemantauan yang berterusan boleh dijalankan melalui pemerhatian, temu bual secara langsung bersama-sama dengan pelajar di dalam kelompok ini bagi mencari kaedah dan penyelesaian yang terbaik.

## 11.0 KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi golongan lelaki lembut di UTM berpunca daripada faktor rakan. Pengaruh rakan sebaya dilihat merupakan pengaruh yang kuat berdasarkan kehidupan golongan ini sejak kecil sehingga usia sekarang. Berkawan dengan kanak-kanak perempuan seperti “main masak-masak” dan “pondok-pondok” menyebabkan naluri keperempuanan timbul dalam jiwa mereka dan semakin sebat pada diri lelaki lembut. Selain faktor rakan sebaya, faktor lain yang turut menyumbang kepada berlakunya gejala lelaki lembut ialah faktor keluarga dan media.

Kesan lelaki lembut dalam pembentukan sahsiah dapat dirumuskan bahawa dengan perwatakan lembut dapat dilihat mendatangkan kesan baik dan buruk. Secara keseluruhannya, golongan lelaki lembut tidak mempunyai masalah dalam bergaul dengan rakan-rakan, pensyarah dan staf. Masyarakat kampus mudah memberi kerjasama kepada mereka disebabkan oleh sifat lembut, peramah dan mesra yang dimiliki oleh mereka. Walaupun mereka mudah mendapat kerjasama daripada masyarakat kampus, golongan lelaki lembut beranggapan bahawa masyarakat kampus masih memandang negatif kepada mereka. Ramai dalam kalangan masyarakat luar dan dalam kampus beranggapan bahawa lelaki lembut terlibat dalam aktiviti tidak bermoral. Ejekan dan gangguan daripada pelajar lelaki tidak diambil peduli dan dianggap sebagai asam garam kehidupan golongan lembut.

Akhirnya, walaupun golongan lelaki lembut sudah hanyut dengan dunia yang penuh dengan naluri dan jiwa keperempuanan, mereka tetap mempunyai keinginan untuk berubah kepada lelaki normal. Akan tetapi, ia memerlukan tempoh masa yang panjang di samping perubahan persekitaran dan sokongan daripada orang sekeliling mereka.

## RUJUKAN

- [1] ‘Ata’ Abdul Qadir Ahmad. (t.t) . *Haza Halal Waza Haram*. Beirut: Darul ‘Itisam.
- [2] Abdullah Basmeih. 1999. *Tafsir Pimpinan ar Rahman Kepada Pengertian al Quran*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.
- [3] Al-Bukhari. 2002. *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III, IV*. (Terj. Oleh H. Zainuddin Hamidy, H. Fachruddin Hs, H. Nasharuddin Thaha, Johar Arifin dan A. Rahman Zainuddin). Singapore: Darel Fajr Publishing House.

- [4] Asmungi bin Mohd Sidek. 2001. *Kecenderungan Gender Dari Perspektif Agama Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- [5] Azizi Yahaya et al., 2006. *Punca dan Rawatan Kecelaruan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- [6] Hairulazim Mahmud. 19 Julai 2003. *Ada Ibu Bapa Galak Anak Lelaki Berwatak Lembut Siti Zaharah*. Utusan Malaysia.
- [7] Maesarah Ab. Rahim. 2004. *Psikologi Lelaki Lembut Beragama Islam di Universiti Malaya*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- [8] Mohd Ismail Mustari. 2007. *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- [9] Mohd Syukri bin Khamis. 2001. *Kecenderungan Tingkah Laku Homoseksual di Kalangan Mahasiswa di Salah Sebuah Kolej Kediaman UTM. Suatu Tinjauan, UTM Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- [10] Mohd Yusman Awang et al., 21-27 Februari 2004. *Hidup Sebagai Mak Nyah*. Massa: 26-38.
- [11] Mohd Zulkifli bin Mohd Ghazali. 2007. *Syarahan Naib Canselor Majlis Amanat Tahun Baru*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- [12] Muhammad Aq'lah. 1983. *Nidzamul Usrah Fil Islam*. Maktabah Rísalah al-Hadis.
- [13] Muslim. 2003. *Terjemahan Hadis Shahih Muslim Jilid I, II, III, IV*. (Terj. Oleh Ma'mur Daud). Singapore: Darel Fajr Publishing House.
- [14] Najibah Hassan, et al., 20 Julai 2003. *Fenomena Lelaki Lembut, Wanita Keras*. Utusan Malaysia.
- [15] Nazri Hamid. 1992. *Kedudukan Mak Nyah Menurut Pandangan Islam: Satu Kajian di Wilayah Persekutuan*. Universiti Malaya: Latihan Ilmiah.
- [16] Noorazlinda Hafiza bt Muhammad. 2003. *Golongan Lelaki Lembut di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian di UM*. Universiti Malaya: Latihan Ilmiah.
- [17] Nor Akmar Nordin et al., 2004. *Gejala Pelajar Lembut di IPT: Kajian Kes di UTM*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- [18] Nor Ba'yah Abdul Kadir & Yahaya Mahamood. 2002. *Pembangunan Loose Personaliti dan Gangguan Seksual di Kalangan Pelajar Transeksual: Temubual Personal dan Kumpulan Fokus*. Century Mahkota Hotel Melaka.
- [19] Norulhuda bt Abdul Halim. 2001. *Tinjauan Faktor Pengaruh Keluarga, Teman-teman dan Persekutaran Perkembangan Budaya Golongan Lembut di UTM Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- [20] Rajmah Hasan Shirat, 10 Ogos 2002. *Celaru Identiti Gejala Kian Ketara di IPTA*. Utusan Malaysia.
- [21] Richard D. McAnulty dan Michele Burnette. 2006. *Sex and Sexuality (VOL 1)*. London: Praeger Publisher.
- [22] Rohana Man dan Zulkifli Bachok. 14 Mei 2001. *Pelajar Lembut' Semakin Meningkat di IPTA*. Utusan Malaysia.
- [23] Roseliza Murni Ab.Rahman. 2002. *Transeksualiti Dari Segi Psikologi, Sosiologi dan Fisiologi*. Century Mahkota Hotel Melaka.
- [24] Utusan Malaysia: 5 Oktober 1993.
- [25] Utusan Malaysia, 20 September 2005.
- [26] Utusan Malaysia, 29 Mei 2007.
- [27] Wan Halim Ohman. 1987. *Dilema Mak Nyah dalam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- [28] Temu bual bersama Responden A, bertempat di Kolej 9 pada 20 Februari 2008.
- [29] Temu bual bersama Responden B, bertempat di Kolej 9 pada 26 Februari 2008.
- [30] Temu bual bersama Responden C, bertempat di Kolej 9 pada 26 Mac 2008.

- [31] Temu bual bersama Responden D, bertempat di Kolej 9 pada 26 Mac 2008.
- [32] Temu bual bersama Responden E bertempat di Kolej 9 pada 4 Mac 2008.
- [33] Temu bual bersama Responden F, bertempat di Kolej Rahman Putra pada 11 Februari 2008.
- [34] Temu bual bersama Responden G, bertempat di Kolej 9 pada 11 Februari 2008.
- [35] Temu bual bersama Responden H, bertempat di Kolej Tun Hussein Onn pada 12 Februari 2008.
- [36] Temu bual bersama Responden I, bertempat di Kolej 9 pada 12 Februari 2008.
- [37] Temu bual bersama Responden J, bertempat di Kolej 9 pada 12 Februari 2008.